

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)1

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

1. *Semiconductor Strategic Plan.*

- (a) Sejauh manakah penglibatan Kerajaan Negeri dalam pembentukan plan yang dipelopori oleh MITI?
- (b) Apakah punca dan sebab pelabur *integrated circuit (IC) design* projek memilih Selangor?
- (c) Terangkan usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan Pulau Pinang kekal kompetitif dalam pembangunan sektor semikonduktor di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. (a) Plan yang sedang dibangunkan adalah bertujuan memberi hala tuju industri semikonduktor di dalam negara supaya industri ini terus berkembang kepada aktiviti lebih bernilai tambah dan negara kekal sebagai tarikan pelaburan berkualiti di masa hadapan. Dalam melaksanakan hala tuju ini, peranan Kerajaan Negeri adalah penting terutamanya dalam memastikan masalah penubuhan kilang dan operasi syarikat sentiasa dipermudahkan di peringkat daerah dan negeri, serta diberi sokongan

kemudahan utiliti dan infrastruktur yang terbaik dan memenuhi aspirasi negara berlandaskan ekonomi hijau. Mesyuarat Pasukan Petugas Strategik Semikonduktor Kebangsaan (National Semiconductor Strategic Task Force - NSSTF) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) pada 24 April 2024 telah membincangkan mengenai kerangka dan hala tuju Pelan ini. Buat masa ini, Pelan ini masih dalam proses fasa pembangunan MITI dan Kerajaan Negeri akan terus memberikan sokongan dan jalinan kerjasama bagi menjayakan Pelan ini.

- (b) Antara punca dan sebab para pelabur *integrated circuit (IC) design* memilih Selangor melalui pengumuman baru-baru ini adalah mungkin kerana insentif yang ditawarkan melalui inisiatif *Malaysia Semiconductor Accelerator and IC Design Park* (Selangor Hub) yang diterajui Kerajaan Negeri Selangor menerusi Perbadanan Teknologi Maklumat Ekonomi Digital Selangor (SIDEK) dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri Selangor dikatakan telah menerima geran sebanyak RM60 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan telah

berjaya menarik modal teroka (venture capital) global untuk bekerjasama dengan mereka bagi menawarkan dana khas di bawah inisiatif ini. Kerajaan Negeri Selangor juga dikatakan telah menyalurkan RM65 juta kepada SIDEC bagi menguruskan Taman Perindustrian *IC Design* di Selangor.

Walau bagaimanapun, Pulau Pinang masih menjadi hub utama bagi pelabur *integrated circuit (IC) design* memandangkan sebahagian besar pelabur *IC design* adalah berpangkalan di Pulau Pinang, berbanding Selangor yang baharu memulakan inisiatif menarik pelabur dari industri ini.

(c) Antara usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan Pulau Pinang kekal kompetitif dalam pembangunan sektor semikonduktor di peringkat antarabangsa termasuk berikut:-

(i) Menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu hub global dalam bidang industri berteknologi tinggi. Selain daripada terus mengembangkan aktiviti E&E dan semikonduktor yang sedia ada, Kerajaan Negeri memberi fokus dalam membangunkan rantai bekalan (supply chain) untuk

peralatan pembuatan bahagian hadapan (front-end manufacturing equipment) dan menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan Design & Development (D&D) di Pulau Pinang. Menggalakkan serta membantu lebih banyak syarikat tempatan melibatkan diri dalam rantai nilai global untuk menggerakkan rantai nilai (move up the value chain) serta memantapkan ekosistem sedia ada. Selain itu, kerajaan juga memupuk penyelidikan dan pembangunan, penggunaan teknologi dan inovasi terutamanya berkait dengan aspek pendigitalan kerana langkah ini mampu mengubah struktur perindustrian bernilai tinggi, mampan dan memberi manfaat kepada penjana pekerjaan mahir serta pendapatan;

- (ii) Memastikan Pulau Pinang mencapai sasaran untuk menjadi negeri yang berorientasikan ESG (Environmental, Social & Governance). Ini adalah kerana ESG kini menjadi salah satu daripada faktor penentuan pemilihan tapak pelabur berpotensi terutamanya dalam sektor semikonduktor. Lokasi yang memenuhi piawaian ESG kini

mempunyai kelebihan dalam proses pemilihan tapak (site selection process). Kerajaan Negeri senantiasa menggalakkan para pelabur untuk mengamalkan konsep hijau apabila mereka ingin membina kilang yang baru ataupun membuat pengubahsuaian bagi kilang yang sedia ada. Konsep hijau yang dimaksudkan ini adalah seperti reka bentuk bangunan yang menerapkan ciri-ciri *green building index*, *campus style*, *rain harvesting system*, natural ventilation system, penanaman pokok-pokok di sekitar kawasan kilang dan juga mengamalkan aktiviti kitar semula dalam proses pembuatan;

- (iii) Pihak Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang berusaha untuk membangunkan Taman-Taman Perindustrian baharu bertaraf antarabangsa, antaranya termasuk Taman Teknologi Bandar Cassia (Bandar Cassia Technology Park), Taman Perindustrian Batu Kawan III dan Penang Science Park Selatan (Penang Science Park South). Taman-taman perindustrian baru ini akan menambah jumlah kawasan perindustrian melebihi 800 ekar bagi

menampung jumlah permintaan tanah perindustrian yang tinggi oleh pelabur asing dan tempatan;

- (iv) Memantapkan pelaksanaan *Hand Holding Programme* dengan memastikan kemudahan menjalankan perniagaan (ease of doing business) di Pulau Pinang kekal kompetitif berbanding dengan pesaing-pesaing yang lain. Ini termasuk membantu para pelabur baharu mencari lokasi pilihan, lokasi pilihan bagi memulakan operasi dan menjadi pemudah cara antara pelabur dengan agensi Persekutuan dan Negeri dalam aspek pemberian insentif, bantuan permohonan visa ekspatriat, pengambilan pekerja baharu dan sebagainya;
- (v) Mengumumkan pelan untuk mewujudkan *Penang IC Design and Digital Park* di Taman Perindustrian Bayan Lepas. Projek seluas 42.5 hektar itu terdiri daripada dua (2) fasa dan menawarkan sejumlah sejuta kaki persegi ruang pejabat premium untuk menarik dan menempatkan projek berimpak tinggi merangkumi reka bentuk IC (IC design), penyelidikan dan pembangunan (R&D),

perkhidmatan perniagaan global (GBS), pelaburan teknologi digital dan ekosistem ekonomi digital kitaran. Antara perancangan yang akan dilaksanakan melalui *Penang IC Design and Digital Park* di Bayan Lepas ini adalah seperti menyediakan ruang pejabat premium kepada pelabur-pelabur *IC Design*, memastikan keperluan prasarana yang disediakan di sini sesuai untuk para pelabur *IC Design* dan Digital. Ini termasuk memastikan bangunan yang disediakan itu mempunyai kemudahan infrastruktur dari segi pembekalan elektrik dan komunikasi seperti *broadband* yang kompetitif, ruang lantai yang sesuai bagi menjalankan aktiviti berkaitan *IC design* dan persekitaran perniagaan yang kondusif yang diperlukan untuk bangunan berstatus Malaysia Digital, memperkenalkan kadar sewa bersubsidi untuk ruang pejabat milik PDC khususnya kepada pemain tempatan *IC Design*. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan memohon kepada kerajaan Persekutuan untuk insentif dan geran bagi meningkatkan ekosistem IC dan Digital. Inisiatif ini akan dimasukkan dalam pakej insentif lengkap yang akan diumumkan kemudian;

- (vi) Menyediakan perancangan strategik untuk menarik bakat baharu dan mengekalkan bakat sedia ada dalam reka melalui pelbagai inisiatif yang ditawarkan seperti *Future Foundation Scholarship*, *Penang GBS Industry Academy* dan sebagainya; dan
- (vii) Mempromosikan Pulau Pinang ke luar negara dengan mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pelabur-pelabur yang berpotensi untuk melabur di Pulau Pinang. Antara negara yang bakal diberi tumpuan dalam misi pelaburan adalah Amerika Syarikat, Taiwan, Singapura dan Eropah.